

Peluasan Makna Imbuhan *Ber-*: Analisis Semantik Kognitif

Nor Hashimah Jalaluddin

shima@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Zaharani Ahmad

zaharani@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Nurul Huda Mohd Saad

nurulsaad@melaka.uitm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu
Universiti Institut Teknologi MARA

Abstrak

Imbuhan *beR* ialah salah satu imbuhan yang dibincangkan dalam buku nahu bahasa Melayu. Secara umumnya huraian mengenai imbuhan ini agak serupa antara penahu dan adakalanya bertindih. Satu aspek imbuhan yang penting ialah makna imbuhan itu sendiri. Penahu bersetuju untuk mengatakan yang imbuhan nahu mempunyai makna 'melakukan sesuatu ke atas diri sendiri', 'refleksif', 'perbuatan bersalingan', dan 'memiliki'. Namun, makna imbuhan *beR* selalunya diterangkan secara luaran sahaja meskipun ada banyak lagi maksud lain yang boleh diterokai. Bersandarkan 5 juta data korpus UKM-DBP - akhbar (Utusan Malaysia, Berita Harian, Harakah), majalah, dan buku, makna imbuhan *beR-* dicungkil dengan lebih mendalam. Peluasan makna imbuhan *beR-* ini telah dihuraikan dengan menggunakan pendekatan semantik kognitif melalui teori prototaip dan model kategori jaringan radial. Beberapa mekanisme kognitif seperti skema imej perbuatan (pergerakan, refleksif, bersalingan, dan penghasilan), skema imej milikan, skema imej pasif, skema imej psikologi, dan skema imej kumpulan telah berjaya diserlahkan bagi memperjelas cara mana berlakunya proses peluasan makna imbuhan *beR-* ini. Terbukti, peluasan makna imbuhan *beR-* berlaku secara sistematik. Peluasan makna imbuhan *beR-* mempunyai domain teras, dan domain pinggiran. Perbezaan setiap domain inilah yang menyebabkan wujudnya peluasan makna terhadap imbuhan *beR-*.

Katakunci: teori prototaip, skema imej, mekanisme kognitif, peluasan makna.

The Extended Meaning Of The Prefix BeR-: A Semantic Cognitive Analysis

Abstract

The prefix beR- is one of the affixes that are discussed widely in the Malay grammar book. Generally the descriptions on this prefix are fairly similar and sometimes overlapped. One of the important aspects about affixation is a study of meaning. Most grammarians agree that the prefix beR- denotes the meaning of 'self do', 'reflexives', 'reciprocate' and 'belonging'. Nevertheless, these meanings are superficially described whereas there are other meanings that can be further explored. Based on 5 million corpus data taken from UKM- DBP data bank which comprises of newspaper (*Utusan Malaysia, Berita Harian, Harakah*) magazines and books, the meaning of beR- can be explicated in detailed. The extension of meaning of the prefix beR- is explained within the cognitive semantics approach through the prototype theory and the radial network category model. Cognitive mechanisms such as action image scheme (movement, reflexive, reciprocal, and production), belonging image scheme, passive image scheme, psychology image scheme, and grouping image schema have been utilized successfully in explaining how the meaning extension works. Evidently, the process of meaning extension involving the prefix beR- operates systematically. The application of meaning extension has two domains, namely, main and peripheral domain. The difference of each domain contributes to the extension of meaning of the prefix beR- itself.

Keywords: prototype theory, image scheme, cognitive mechanism, meaning extension.

Pengenalan

Kajian mengenai makna imbuhan *beR-* telah banyak dilakukan oleh penahu-penahu terdahulu seperti Asmah Hj Omar (1993), Zainal Abidin Ahmad (2000), Nik Safiah Karimet al. (2003), dan Abdullah Hassan (2006). Berdasarkan pembacaan yang dibuat terhadap kosa ilmu mengenai makna imbuhan *beR-*, penulis mengelompokkan kajian-kajian tersebut kepada beberapa kriteria iaitu kajian nahu tradisional, kajian nahu struktural, dan kajian nahu generatif.

Setelah diteliti, dapatlah dirumuskan bahawa ketiga-tiga kajian ini (kajian nahu tradisional, kajian nahu struktural, dan kajian nahu generatif) hanya memberikan makna imbuhan *beR-* di peringkat luaran. Penahu-penahu terdahulu sekadar menyenaraikan makna-makna yang terkandung dalam imbuhan *beR-*. Mereka hanya memberikan intipati, menstruktur, dan melihat imbuhan *beR-* secara terpisah (mengelompokkan makna imbuhan *beR-* mengikut golongan kata iaitu *beR-* dengan kata nama, *beR-* dengan kata kerja, *beR-* dengan kata adjektif, dan *beR-* dengan kata tugas). Namun begitu, kajian penahu-penahu sebelum ini merupakan perintis kepada kajian mengenai makna imbuhan *beR-* pada hari ini.

Satu kajian alternatif yang dikenali sebagai kajian nahu praktis (seterusnya KNP) diperkenalkan bagi membantu menyelesaikan permasalahan yang ditemui dalam kajian ini. KNP ini akan memerikan makna imbuhan *beR-* secara deskriptif dengan berteraskan data korpus yang kontemporari dan autentik sifatnya, yang menggambarkan penggunaan sebenar bahasa oleh masyarakat penuturnya. KNP ini sedikit sebanyak dapat memberi kita satu dimensi baru dalam melihat makna imbuhan *beR-* serta menambah bilangan kajian peluasan makna dalam bahasa Melayu.

KNP akan cuba melihat fungsi dan makna imbuhan *beR-* dengan memfokuskan peluasan makna (berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini yang hanya menyenaraikan keseluruhan makna imbuhan *beR-*). KNP ini menggunakan pendekatan semantik kognitif yang diperkukuh lagi dengan kerangka teori prototaip.

Pendekatan semantik kognitif dapat memberikan satu cara alternatif untuk memantapkan pengetahuan nahu terutamanya imbuhan yang mengalami peluasan makna atau polisemi. Hal ini kerana dalam semantik kognitif, struktur semantik terbina atas landasan yang bersistem dan berprinsip – makna terbitan berpunca daripada makna teras. Makna nahuan ini dapat dilihat sebagai satu gugusan pengetahuan yang berstruktur. Oleh itu, pengelasan makna yang bertindan (yang dikenal pasti bagi imbuhan *beR-*) dapat dipermudahkan.

Tumpuan KNP ini adalah terhadap peluasan makna imbuhan *beR-*. Dengan melihat data korpus UKM-DBP, data kajian ini diambil daripada akhbar, majalah, dan buku. KNP ini diharap dapat membantu memperkemas dan memantapkan lagi nahu Melayu yang sedia ada dengan usulan dan dapatan baru yang boleh dimanfaatkan untuk penambahbaikan dan penambahmurnian.

Huraian yang disampaikan oleh KNP adalah bersifat deskriptif dan teoritis. Huraian deskriptif bermaksud semua perilaku nahu yang ditunjukkan oleh unsur yang dikaji seperti yang terdapat dalam pangkalan data korpus akan diteliti dan dihuraikan. Huraian teoritis pula bermaksud setiap perilaku nahu itu akan diberi penjelasan yang berpada menurut kerangka teori linguistik tertentu (Zaharani Ahmad 2007). Zaharani

Ahmad (2007), Idris Aman (2007), Nor Hashimah Jalaluddin (2007), dan Imran Ho Abdullah (2007a) melalui kajian mereka yang telah dibukukan bertajuk *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu* telah membuktikan bahawa kajian korpus boleh menjadi alternatif kepada kajian bahasa dari sudut preskriptif. Kajian mereka telah memanfaatkan data-data korpus untuk menjelaskan konflik-konflik yang timbul antara pendapat penahu terdahulu dengan kajian mereka. Nor Hashimah Jalaluddin (2007) melalui kajian korpus dengan mengambil data karya klasik telah berjaya membuktikan bahawa kata ganti nama *ia* yang dikatakan tidak boleh digunakan untuk merujuk bukan manusia ternyata digunakan untuk merujuk bukan manusia dan digunakan dengan meluas dalam karya teks klasik.

Kajian ini akan turut menggunakan kerangka yang sama dengan kumpulan nahu praktis dan cuba mengisi lompong-lompong atau kekurangan yang ditemui dengan membincangkan sesuatu yang bersifat terkini dan berpada dapatannya. Kajian yang dihasilkan ini akan cuba memberikan satu fahaman tentang makna imbuhan *beR-* dengan lebih mendalam berserta huraian yang berlainan daripada penahu terdahulu dengan menggunakan teori yang sudah mantap iaitu pendekatan semantik kognitif dan kerangka teori prototaip. Kajian mengenai imbuhan Melayu turut boleh dirujuk pada kajian Nor Hashimah Jalaluddin dan Ahmad Harith (2009). Mereka telah mengkaji semula makna dan fungsi imbuhan *peR-* bahasa Melayu menggunakan kerangka KNP dan teori Relevans. Mereka telah berjaya membuktikan pendekatan ini mampu memberikan kefahaman yang lebih jelas mengenai imbuhan *peR-* dibandingkan dengan kajian penahu sebelum ini. Justeru, KNP yang bakal dilakukan oleh penulis akan mengusulkan beberapa gagasan baru di samping memberikan pentafsiran semula terhadap huraian makna imbuhan *beR-*. Tetapi kali ini dengan menerapkan teori linguistik iaitu semantik kognitif.

Imbuhan *ber-*

Pengkaji-pengkaji lampau telah menyenaraikan sebilangan makna bagi imbuhan *beR-*. Setelah diteliti, penulis mengelompokkan kesemua makna yang dikemukakan oleh penahu lampau tersebut mengikut golongan kata iaitu imbuhan *beR-* dengan kata nama, *beR-* dengan kata kerja, *beR-* dengan kata adjektif, dan *beR-* dengan kata tugas seperti dalam rajah-rajah yang berikut.

Rajah 1: Imbuhan *beR-* dengan kata nama

	Zainal Abidin Ahmad (2000)	Asmah Haji Omar (1993)	Abdullah Hassan (2006)	Nik Safiah Karim et. al (2003)
Menghasilkan, mengeluarkan, memberi		√	√	√
Memakai, menggunakan		√	√	√
Mempunyai, memiliki	√	√	√	√
Menganggap sebagai,		√		

mempunyai sebagai				
Mengerjakan, mengusahakan, menguruskan		√		√
Bekerja sebagai		√		
Menghadiri, menjalani, mengalami		√		
Meminta bantuan daripada				√

Rajah 2 : Imbuhan *beR-* dengan kata kerja

	Zainal Abidin Ahmad (2000)	Asmah Haji Omar (1993)	Abdullah Hassan (2006)	Nik Safiah Karim et. al (2003)
Melakukan perbuatan				√
Membuat atau melakukan (sesuatu) pada diri sendiri	√	√	√	√
Membuat atau melakukan sesuatu sebagai kebiasaan		√	√	
Perbuatan bersalingan	√	√	√	√
Keadaan yang sudah sedia berlaku	√		√	√

Rajah 3: Imbuhan *beR-* dengan kata adjektif

	Zainal Abidin Ahmad (2000)	Asmah Haji Omar (1993)	Abdullah Hassan (2006)	Nik Safiah Karim et. al (2003)
Mempunyai rasa atau sifat		√		
Berada dalam keadaan				√
Memperoleh				√
Menunjukkan himpunan			√	

Rajah 4: Imbuhan *beR-* dengan kata tugas

	Zainal Abidin Ahmad (2000)	Asmah Haji Omar (1993)	Abdullah Hassan (2006)	Nik Safiah Karim et. al (2003)
Menjadi				√
Bilangan dalam kumpulan	√			√
Bersama-sama				√
Mendapat				√
Menunjukkan keadaan			√	

Daripada rajah di atas, terdapat sebanyak 22 makna yang berbeza bagi imbuhan *beR-*. Kesemua penahu bersetuju bahawa “membuat atau melakukan (sesuatu) pada diri sendiri”, “perbuatan bersalingan”, dan “mempunyai, memiliki” merupakan makna bagi imbuhan *beR-*. Makna-makna lain pula dilihat terlalu banyak dan akan menyukarkan pengguna bahasa Melayu mentafsirkan makna bagi imbuhan *beR-* ini. Walau bagaimanapun, makna-makna yang diberikan oleh penahu-penahu terdahulu menjadi garis panduan pada penulis dalam memperkemas dan mempermudah makna imbuhan *beR-* supaya menjadi lebih saintifik dan ekonomi dengan menggunakan pendekatan semantik kognitif melalui teori prototaip.

Contohnya, terdapat kata yang berpolisemi bagi imbuhan *beR-* iaitu perkataan *beranak* yang bermaksud “mempunyai” dan “melahirkan” ditemui. Ini seolah-olah menggambarkan adanya fenomena pertindanan dan peluasan makna bagi imbuhan *beR-* yang tidak dikupas oleh penahu terdahulu. Setelah meneliti data korpus bagi imbuhan *beR-*, didapati bukan setakat perkataan *beranak* sahaja yang mempunyai fenomena kata yang berpolisemi, namun terdapat juga contoh-contoh lain yang mencerminkan pertindihan makna seperti perkataan *berbaju*, *berhomofoni*, *berkaki*, *berkasih*, *bersama-sama*, *bersongkok*, dan *bersubang*. Penulis memberikan data di bawah sebagai contoh perkataan yang mengalami pertindihan makna.

[M4.613] semua perwira-perwira beta yang gagah berani dan para pembesar bersantap *****bersama-sama*****
...

[M6.890] Adat, budaya, dan yang utama, agama. Suraya tidak pasti impiannya mahu hidup *****bersama-sama***** dengan Justine akan tercapai.

Secara tersuratnya, perkataan *bersama-sama* ini membawa satu bentuk linguistik iaitu ejaan yang sama tetapi perkataan *bersama-sama* ini mendukung makna yang berbeza. Berdasarkan contoh ayat yang dinyatakan, *bersama-sama* dalam [M4.613] membawa maksud “keadaan”, dalam konteks ini merujuk kepada keadaan (sekumpulan) perwira-perwira dan pemerintah yang bersantap secara sama-sama.

Bersama-sama dalam [M6.890] pula membawa makna “melakukan sesuatu” iaitu merujuk kepada perbuatan berkahwin. Walaupun perkataan ini tidak secara terang menunjukkan perbuatan melakukan sesuatu, namun kewujudan frasa *hidup bersama-sama*, menjelaskan kepada kita bahawa terdapat perkongsian hidup yang perlu dilalui oleh Suraya dan Justine. *Bersama-sama* dalam ayat ini merupakan metafora atau bahasa halus.

Justeru, KNP yang akan dihasilkan ini cuba menyelesaikan masalah pertindihan makna bagi imbuhan *beR-*. KNP ini akan memperkemas dan mempermudah makna imbuhan *beR-* yang dianggap sebagai cabaran kepada semantik kognitif. KNP akan menganalisis makna yang bertindih dan terlalu banyak dalam imbuhan *beR-* supaya makna-makna tersebut menjadi lebih saintifik dan ekonomi. Daripada pola bahasa imbuhan *beR-*, KNP akan menawarkan makna teras dan makna pinggir. Makna teras dan makna pinggir ini pula mempunyai mekanisme kognitif yang mengikatnya iaitu dengan menggunakan skema imej. Dengan itu, peluasan makna imbuhan *beR-* dapat dihuraikan dengan lebih berpeda.

Kajian terkini mendapati bahawa ramai penahu aliran Bangi yang telah berjaya mengkaji kepelbagaian makna mengikut konteks dengan bersandarkan data korpus dan teori semantik kognitif. Antaranya ialah Imran Ho Abdullah (2000, 2007b), Norsimah Mat Awal (2007), dan Nor Hashimah Jalaluddin & Hawiyah Baba (2007). Sebagai lanjutan, KNP akan menganalisis imbuhan *beR-* berbantuan data korpus UKM-DBP dalam acuan yang lebih besar supaya mampu memberikan makna yang lebih pelbagai. Usaha ini akan menambahkan korpus kajian semantik kognitif itu sendiri di samping pengemaskinian makna dan fungsi imbuhan *beR-*.

Imbuhan beR-: Perspektif Semantik Kognitif


Pendekatan semantik kognitif akan menunjukkan bahawa peluasan makna imbuhan *beR-* ini dimotivasikan oleh beberapa prinsip kognitif seperti pengkategorian, dan skema imej. Dengan itu, makna nahan imbuhan *beR-* dapat diperjelas satu persatu dan pemantapan makna imbuhan *beR-* dalam buku nahu dapat dilakukan.

Skema imej ialah satu bentuk struktur konsepsi yang penting dalam kosa ilmu semantik kognitif. Gibbs dan Steen (1997), Lakoff (1987), dan Lakoff dan Johnson (1980) telah mengemukakan konsep skema imej sebagai satu skemata pengetahuan

yang memperkemas dan menyusun atur pengalaman hidup manusia yang berlaku secara berulang kali dalam satu pola ayat satuan-satuan yang koheren dan bermakna sifatnya. Skema imej ialah pengalaman *gestalts* yang muncul melalui aktiviti sensorimotor semasa kita memanipulasi objek, mengorientasikan diri kita dalam ruang dan waktu serta kita mengarahkan fokus persepsi kita untuk pelbagai tujuan. Skema imej juga ialah penyusunan pengalaman dalam bentuk imej dan disimpan dalam pemikiran manusia serta dapat dicapai untuk memahami atau menjelaskan konsep yang baru. Skema imej inilah yang dianggap sebagai struktur konsepsi yang menjadi mekanisme dalam memotivasi peluasan semantik kata yang berpolisemi. Dua konsep penting dalam membincangkan skema imej ialah trajektor (TR) atau subjek dan landmark (LM) sebagai objek. Kedua-duanya saling berkait rapat.

Rajah 5 berikut merupakan skema imej bagi imbuhan awalan (terikat) yang diadaptasi daripada Tuggy (1992) dalam makalahnya *The affix-stem distinction: a cognitive grammar analysis of data from Orizaba Nahuatl, Mexico*. Menurut Tuggy (1992), struktur terikat mewakili imbuhan awalan. Struktur bebas pula mewakili kata dasar. Struktur terikat diibaratkan sebagai lubang. Struktur bebas pula ibarat paku yang akan mengisi lubang tersebut. Lubang yang berlorek menandakan penggabungan struktur terikat dan struktur bebas yang akhirnya membentuk satu perkataan. Garisan putus-putus menunjukkan perhubungan antara struktur terikat dan struktur bebas.

Rajah 5: Skema imej imbuhan *beR-*



Peluasan makna imbuhan *ber-*

Berdasarkan 602 penemuan imbuhan *beR-* dalam data korpus UKM-DBP yang telah disaring, maka terhasillah pengkategorian seperti berikut, satu makna teras dan tiga makna pinggir. Jadual 1 menunjukkan pengkategorian makna teras dan makna pinggir imbuhan *beR-* berdasarkan contoh penggunaannya dalam data korpus.

Jadual 1: Makna teras dan makna pinggirannya imbuhan *beR-* berdasarkan data korpus

Bil.	Makna Teras dan Makna Pinggirannya Imbuhan <i>beR-</i>	Bilangan Data Korpus
Makna Teras		
1.	Melakukan sesuatu	387
Makna Pinggirannya		
1.	Mempunyai	110
2.	Keadaan	93
3.	Jumlah	12
Jumlah		602

Makna teras imbuhan *beR-*

Makna teras bagi imbuhan *beR-* ini berkaitan dengan perbuatan “melakukan sesuatu” terkandung dalam domain perbuatan. Ada empat jenis perbuatan iaitu, pergerakan, refleksif, bersalingan dan mengeluarkan hasil. Data [M6.907], [BH18.018], dan [B2.301] menunjukkan contoh yang memaparkan perbuatan “melakukan sesuatu”.

[M6.907] Bakul yang dikendong jatuh ke tanah. Suraya pantas *****berlari***** memeluk wanita itu. Hanya tangisan yang kedengaran.


[BH18.018] tetapi bagi kami, ia banyak menyelamatkan keadaan. Barulah ada ruang untuk *****bernafas***** dan bersuara.



[B2.301] Perlukah saya mencium dia di jalan sehingga orang berhenti menuduh kami *****bergaduh*****? Kami sesuai bersama, kami duduk bersama.

Berlari ialah kata kerja yang merujuk pergerakan yang dilakukan dengan pantas sekali (lebih cepat daripada berjalan). Aktiviti berlari merupakan perbuatan yang bergerak dari satu titik ke titik yang lain. Dalam [M6.907], Suraya berlari dan memeluk seorang wanita. Oleh itu, Suraya telah melakukan sesuatu (pergerakan) iaitu bergerak dari tempat dia berdiri dan menuju ke arah seorang wanita. Imbuhan *beR-* dengan maksud melakukan sesuatu boleh juga mengambil perkataan *berangkat, beredar, bergegas, bergerak, bergolek, berjalan, berlalu, dan bersiap* untuk menggambarkan aktiviti pergerakan.


Perbuatan melakukan sesuatu pergerakan ini boleh diperjelaskan lagi berdasarkan mekanisme kognitif seperti skema pergerakan. Sebagai kata kerja tak transitif, tiada tenaga yang digerakkan oleh subjek (TR) kepada objek (LM). Daya tenaga direpresentasikan sebagai tenaga yang ada pada sesuatu subjek (TR) digerakkan oleh dirinya sendiri (subjek/TR) dan tidak mempunyai objek tepat (LM). Skema imej pergerakan ini ditunjukkan dalam Rajah 6 Skema ini berhubung kait dengan paksi masa yang merepresentasikan suatu proses. Simbol yang ditebalkan pada bahagian tengahnya (**————→**) merujuk kepada proses.

Rajah 6: Skema pergerakan



Perkataan *bernafas* dalam [BH18.018] menunjukkan makna imbuhan *beR-* ialah melakukan sesuatu perbuatan terhadap diri sendiri (refleksif). Contoh [BH18.018] menunjukkan subjek melakukan sesuatu perbuatan (*bernafas*) terhadap diri sendiri. Sama seperti dalam skema pergerakan, subjek (TR) dan objek (LM) adalah sama. Rajah 7 merupakan variasi skema pergerakan (Rajah 6). Cuma yang berbeza ialah anak panah dalam Rajah 7 berada dalam keadaan melintang () dibandingkan dengan Rajah 6 iaitu berada dalam keadaan menyenget (). Anak panah melintang bermaksud sesuatu pergerakan itu bergerak pada paksi yang sama manakala anak panah menyenget pula menunjukkan sesuatu pergerakan itu bergerak pada arah yang berlainan (pergerakan dari satu titik ke titik yang lain). Dalam skema ini, tenaga dipancarkan terus ke subjek (agen/TR).


Rajah 7: Skema refleksif



Bagaimanakah skema pergerakan dikatakan berbeza daripada skema refleksif? Contoh yang jelas di sini ialah perbezaan antara perkataan *berlari* dan *bernafas*. Perkataan *berlari* direpresentasikan oleh skema pergerakan manakala perkataan *bernafas* direpresentasikan oleh skema refleksif. Bagi perkataan *berlari*, pergerakan subjek/agen (TR) adalah pada paksi yang berbeza iaitu kaki akan mengorak langkah ke hadapan setapak demi setapak manakala *bernafas* pula memerlukan subjek/agen (TR) menarik dan menghembus udara dari paru-paru yang membuktikan bahawa subjek/agen bergerak pada paksi yang sama. Akibat keadaan pergerakan yang berbeza, maka wujudnya perbezaan antara skema pergerakan dan skema refleksif ini. Perkataan *bersembunyi*, *berdoa*, *berfikir*, *beristighfar*, *bersyukur*, dan *bertaubat* juga boleh mendukung makna melakukan sesuatu perbuatan terhadap diri sendiri (refleksif).

Contoh *bergaduh* dalam [B2.301] “Perlukah saya mencium dia di jalan sehingga orang berhenti menuduh kami *bergaduh*? Kami sesuai bersama, kami duduk bersama” menunjukkan perbuatan melakukan sesuatu secara bersalingan iaitu melakukan sesuatu perbuatan yang mempunyai tindak balas (Asmah Hj Omar, 1993). Rajah 8 merupakan skema bersalingan iaitu variasi skema pergerakan dan skema refleksif. Contoh [B2.301] menunjukkan subjek (TR) dan objek (LM) mengenakan tenaga antara satu sama lain (simbol \updownarrow). Dalam konteks ini, TR dan LM merujuk dua orang individu.

Rajah 8: Skema bersalingan



TR dan LM boleh juga digambarkan sebagai X dan Y. Seperti dalam [B2.306] di bawah, X dan Y merujuk dua orang individu yang selalu duduk berbincang mengenai pelbagai masalah sebelum timbulnya krisis antara mereka berdua. X dan Y dalam [U6.419] pula merujuk dua buah kenderaan yang menyalakan lampu pada waktu siang agar tidak berlaku kemalangan yang tidak diingini. Bagi [H980] pula, X merujuk negara Iran dan Turki manakala Y pula merujuk negara Afghanistan dan Syria.

[B2.306] Setiap pagi, malah sebelum timbulnya krisis, kami duduk dan *****berbincang***** mengenai pelbagai masalah.

[U6.419] para pemandu menyalakan lampu kenderaan mereka pada waktu siang agar tidak *****berlanggar***** dengan kenderaan lain.

[H980] ketegangan yang menjurus kepada peperangan di antara empat negara Islam yang berjiran yang *****bersengketa***** iaitu Iran dan Afghanistan dan Turki dan Syria.

Jelaslah di sini bahawa melakukan sesuatu perbuatan secara bersalingan melibatkan dua entiti iaitu X dan Y. Melakukan sesuatu perbuatan secara bersalingan dapat dikenal pasti dengan adanya leksikal *kami*. Perkataan *berhubung*, *berjumpa*, *berkahwin*, *berkait*, *berkhalwat*, *bermesyuarat*, *bersanding*, *bersidang*, dan *berunding* juga mendukung makna melakukan sesuatu perbuatan secara bersalingan.

Data [M6.890] juga merupakan contoh imbuhan *beR-* yang mendukung maksud melakukan sesuatu secara bersalingan. Hal ini dapat dijelaskan dengan contoh di

bawah.

[M6.890] Adat, budaya, dan yang utama, agama. Suraya tidak pasti impiannya mahu hidup *****bersama-sama***** dengan Justine akan tercapai.

Bersama-sama dalam [M6.890] membawa makna “melakukan sesuatu” iaitu merujuk perbuatan berkahwin. Walaupun perkataan ini tidak secara terang menunjukkan perbuatan “melakukan sesuatu”, namun kewujudan frasa *hidup bersama-sama*, menjelaskan kepada kita bahawa terdapat perkongsian hidup yang perlu dilalui oleh Suraya dan Justine. *Bersama-sama* dalam ayat ini merupakan metafora atau bahasa halus yang merujuk perbuatan melakukan sesuatu secara bersalingan.


Perkataan *bercambah* [M6.905], dan *berpunca* [U6.415] mendukung makna perbuatan melakukan sesuatu iaitu menghasilkan/mengeluarkan seperti yang tertera pada contoh di bawah.


[M6.905] Dipandanginya persekitaran rumah itu yang masih seperti dulu. Nostalgianya bersama-sama dengan Justine kembali *****bercambah***** di kotak fikiran.

[U6.415] Kalimantan dan sebahagian besar Pulau Jawa diselimuti kabut asap tebal *****berpunca***** dari hutan yang terbakar atau dibakar secara sengaja.

Bercambah dalam [M6.905] mempamerkan maksud menghasilkan/mengeluarkan iaitu menghasilkan/mengeluarkan cambah. Cambah merupakan tumbuhan yang baru keluar dari biji benih. Perkataan *bercambah* dalam [M6.905] merujuk kepada entiti abstrak. *Berpunca* pula bermaksud menghasilkan punca. Dalam konteks ini, X merujuk kepada hutan yang terbakar atau dibakar secara sengaja menghasilkan punca Y (Kalimantan dan sebahagian besar Pulau Jawa diselimuti kabut asap tebal). Rajah 9 menunjukkan skema penghasilan/pengeluaran.

Rajah 9: Skema penghasilan/pengeluaran



Perkataan *beranak*, *bercambah*, dan *berpunca* berkaitan dengan sesuatu proses. TR (Nostalgia dan hutan) mengenakan tenaga ke atas LM (fikiran, Kalimantan dan sebahagian besar Pulau Jawa). Simbol () menunjukkan perbuatan melakukan sesuatu (menghasilkan/mengeluarkan) yang merujuk kepada perbuatan yang sudah


sedia terhasil (menyerupai skema pasif). Skema penghasilan/pengeluaran juga berkait dengan skema pergerakan iatu entiti X (Nostalgia dan hutan yang terbakar atau dibakar) bergerak dari satu titik ke titik yang lain.

Makna pinggiran imbuhan *ber-*

Analisis peluasan makna bagi imbuhan *ber-* yang seterusnya adalah dalam makna pinggiran. Imbuhan *ber-* mempunyai tiga makna pinggiran iaitu “mempunyai/memiliki”, “keadaan”, dan “jumlah”.

Makna pinggiran pertama bagi imbuhan *ber-* ini ialah “mempunyai/memiliki”. Skema melakukan sesuatu boleh dilihat sebagai sumber untuk skema kepunyaan/milikan. Skema melakukan sesuatu dijelaskan dengan formula “X mengambil Y”. Penulis mengasosiasikan skema melakukan sesuatu menggantikan skema kepunyaan/milikan (“X mempunyai Y”). Dengan mengambil kenyataan tersebut, skema melakukan sesuatu boleh dihubungkan dengan skema kepunyaan/milikan seperti dalam Rajah 10. Data [U6.394], [M4.599], dan [M9.227] menunjukkan imbuhan *ber-* dengan maksud “mempunyai/memiliki”.

Rajah 10: Skema milikan/kepunyaan



[U6.394] budak lelaki berusia 14 tahun yang menjadi kekasihnya. Wanita yang sudah bersuami dan *****beranak***** dua itu akhirnya ditangkap dan dibawa kembali ke Britain.

[M4.599] tengah-tengah bandar tradisi Arab dengan rumah-rumah daripada batu dan tanah liat *****beratap***** daun nipah.

[M9.227] Kini, kesenian muzik caklempong telah *****bertapak***** di negeri lain, serta diajarkan di sekolah dan pusat pengajian tinggi.


Data di atas menunjukkan imbuhan *ber-* yang berkongsi maksud yang sama iaitu “mempunyai”. Imbuhan *ber-* dalam [U6.394] menunjukkan perihal anak yang dimiliki oleh seorang wanita yang sudah bersuami. TR atau pemilik dalam data [U6.394] merujuk kepada (wanita) yang mempunyai dua orang anak. Begitu juga dengan data [M4.599] yang menunjukkan TR (rumah) yang mempunyai atap yang diperbuat daripada daun nipah. Data [M9.227] pula menunjukkan bahawa TR (kesenian muzik caklempong) telah mempunyai tapak di banyak negeri. Daripada

data-data di atas, didapati bahawa TR (pemilik) mengenakan tenaga ke atas objek (LM).

Setelah diteliti, penulis berpendapat bahawa imbuhan *beR-* dengan maksud “mempunyai” hadir bersama frasa keterangan seperti frasa *beranak dua*, *beratap daun nipah*, dan *bertapak di negeri lain*. Imbuhan *beR-* dengan maksud “mempunyai/memiliki” boleh juga mengambil perkataan *berdaulat*, *berdaya*, *bergaris*, *berguna*, *berhak*, *berupaya*, *bermakna*, *berkuasa*, *berlok bermaklumat*, *bermaksud*, *bermaruah*, *bermasalah*, *berminat*, *bermoral*, *bermutu*, *bernasib*, *berniat*, *bernilai*, *berprestij*, *bersalah*, *bersempadan*, *bersifat*, *bersikap*, *bertajuk*, *bertanggungjawab*, *bertaraf*, *berteknologi*, *berunsur*, *berupaya*, *berusia*, *berwarna*, dan *berasas* bagi memperlihatkan makna “mempunyai/memiliki”.

Makna pinggiriran kedua bagi imbuhan *beR-* merujuk kepada “keadaan”. Keadaan yang sudah sedia terhasil/berlaku melibatkan suatu proses yang sudah sempurna/lengkap. Perkataan *berbayar*, *berdatang*, *bertanam*, dan *bertulis* menunjukkan fenomena keadaan yang sudah sedia terhasil/berlaku yang melibatkan suatu proses yang sudah sempurna/lengkap. Keadaan yang sudah sedia terhasil ini digambarkan dalam skema pasif seperti dalam Rajah 11.

Rajah 11: Skema pasif



Data [U12.820] dan [U19.252] menunjukkan imbuhan *beR-* dengan maksud keadaan pasif (sudah sedia terhasil).

[U12.820] menggambarkan penggunaan sedemikian wajib diwujudkan. Umpamanya papan tanda *****bertulis***** 'Kawasan Radioaktif' atau digambarkan menerusi icon/grafik.

[U19.252] Mengenai jumlah pinjaman tidak *****berbayar***** (NPL)...

Penulis mengelaskan keadaan yang sudah sedia terhasil dalam skema pasif kerana bentuk ayat tersebut menyerupai bentuk pasif. Bentuk pasif lebih memberikan keutamaan kepada objek (LM) (Asmah 1993). Data [U12.820] dan [U19.252] tidak menonjolkan siapa pelakunya (TR) dalam erti kata pelaku tersembunyi. LM bagi data [U12.820] mewakili papan tanda manakala LM bagi data [U19.252] mewakili jumlah pinjaman.

Data [M6.909] juga menunjukkan keadaan pasif. Dalam konteks ini, seorang lelaki (TR) yang memakai baju Melayu (LM) dan bersongkok sedang mengucup dan menjulang seorang anak kecil.

[M6.909] Seorang lelaki *****berbaju***** Melayu biru tua dan bersongkok sedang mengucup dan menjulang anak kecil.

Skema imej bagi data di atas (skema pasif) merupakan variasi skema milikan (diterangkan dalam peluasan makna pinggiran yang pertama, “mempunyai”). Penggunaan objek (LM) merupakan peluasan daripada skema milikan. *Berbaju* boleh bermaksud “hal/keadaan” memakai baju daripada peluasan makna “mempunyai” (baju). *Berina* dan *bersubang* juga merupakan contoh bagi skema pasif.


Imbuan *beR-* boleh juga bermaksud “keadaan” (berkenaan emosi/psikologi) seperti dalam contoh di bawah.

[M2.276] kahwin yang ditunjukkan oleh anak perempuannya, Rozita dengan perasaan *****berkecamuk*****. Sekejap dia menatap wajah Rozita, sekejap pula pada baring...

[M2.277] dia nampak Ramlah bekas isterinya, iaitu ibu Rozita. Wajah itu kering dan *****bersahaja*****. Daripada wajah itu muncul peristiwa demi peristiwa...

Keadaan *berkecamuk* dan *bersahaja* digambarkan dalam Rajah 12 di bawah. Bulatan yang dilorekkan merujuk kepada kata adjektif (*kecamuk* dan *sahaja*).

Rajah 12: Skema psikologi




Makna pinggiran imbuan *beR-* yang ketiga merujuk “jumlah”. Kehadiran imbuan *beR-* bersama kata bilangan (*berdua*, *bertiga*) menerangkan jumlah sesuatu entiti di dalam sesuatu kumpulan seperti dalam data di bawah. Makna imbuan *beR-* yang menerangkan sesuatu “jumlah” digambarkan dalam Rajah 13. Skema kumpulan merupakan variasi skema bersalingan kerana adanya leksikal *mereka*.

[M6.888] bukan mudah baginya untuk merobohkan benteng yang dibina menyempadani mereka *****berdua*****. Mereka berbeza. Adat, budaya, dan yang utama,

- agama.
[M6.899] Dari halaman rumah, kedengaran suara Penghulu Johnson memarahi Justine. Mereka *****bertiga***** kehairanan dan cuba mendengar, namun sepatahpun tidak difahami.


Rajah 13: Skema kumpulan



Imbuan *ber-* Secara Keseluruhan

Rajah 14 menunjukkan hubungan kesemua skema imbuan *ber-* yang telah dibincangkan. Jaringan semantik dalam Rajah 14 mempersembahkan struktur radial yang konsep asas atau prototaipnya merupakan domain perbuatan dan bukan perbuatan.

Rajah 14: Hubungan skema imej *beR-*



Jaringan semantik radial dalam Rajah 14 menunjukkan struktur keserupaan keluarga yang dimiliki oleh imbuhan *beR-* di mana Cuyckens (1993:29) berpendapat bahawa “...elements do not necessarily share the same features, but they share different sets of features; they are similar to each other in different respects (or along different dimensions) like the members of a family” yang menjelaskan bahawa sesuatu elemen

itu tidak semestinya berkongsi ciri yang sama secara hakiki, tetapi mereka boleh berkongsi ciri yang berbeza.

Kajian ini menunjukkan peluasan makna imbuhan *beR-* mempamerkan ciri-ciri kesan prototaip dari segi pengkategorian makna teras dan makna pinggiran. Pengkategorian imbuhan *beR-* terdiri daripada satu makna teras dan tiga makna pinggiran. Setiap kategori makna pinggiran berkongsi ciri dengan makna teras dan juga ada kalanya dengan makna yang lain. Ringkasnya, struktur konsep yang dianalisis melalui teori prototaip memperlihatkan tafsiran makna sebagai satu gugusan yang di dalamnya terkandung subkategori yang ada kalanya bertumpang tindih.

Pemurnian Makna Imbuhan *ber-*

Dalam bahagian ini, penulis akan menunjukkan bagaimana imbuhan *beR-* boleh dipersembahkan dalam buku nahu. Penahu-penahu lampau telah memberikan sebilangan makna bagi imbuhan *beR-*. Terdapat sebanyak 22 makna imbuhan *beR-* yang berbeza. Imbuhan *beR-* ini diberikan makna berdasarkan golongan kata yang bergabung dengannya (*beR-* dengan kata nama, *beR-* dengan kata kerja, *beR-* dengan kata adjektif, dan *beR-* dengan kata tugas).

Dalam kajian ini, penulis cuba mempersembahkan makna imbuhan *beR-* dengan menggunakan cara yang berbeza iaitu melalui pendekatan semantik kognitif dan teori prototaip. Makna imbuhan *beR-* dikategorikan kepada makna teras dan makna pinggiran. Makna teras bagi imbuhan *beR-* ialah “melakukan sesuatu”. Makna pinggiran pertama bagi imbuhan *beR-* ialah “mempunyai”. Makna pinggiran kedua pula ialah “keadaan” dan makna pinggiran yang ketiga ialah “jumlah”. Penulis telah memperkemas dan mempermudah makna imbuhan *beR-* supaya menjadi lebih saintifik dan ekonomi seperti yang tertera pada Rajah 15.

Rajah 15: Imbuhan *beR-* melalui pendekatan semantik kognitif

Penahu Praktis				
Makna Teras	Melakukan sesuatu		Pergerakan	√
			Refleksif	√
			Bersalingan	√
			Penghasilan	√
Makna Pinggiran	Pinggiran 1	Mempunyai	Milikan	√
	Pinggiran 2	Keadaan	Pasif	√
	Pinggiran 3	Jumlah	Psikologi	√
			Kumpulan	√

Penahu praktis telah mengelompokkan aktiviti pergerakan, refleksif, bersalingan, dan penghasilan dalam satu domain iaitu domain “melakukan sesuatu”. Begitu juga dengan makna pinggiran yang kedua, penahu praktis telah mengelompokkan pasif dan psikologi dalam domain “keadaan”. Dengan pengelompokan tersebut, terbitnya makna teras dan makna pinggiran bagi imbuhan *beR-*. Melalui pendekatan semantik kognitif, peluasan makna imbuhan *beR-* telah dapat dijelaskan berdasarkan domain dan skema imej yang dimiliki oleh imbuhan ini.

Di samping itu, melalui kerangka jaringan radial, peluasan makna kata berimbuhan *beR-* yang berpolisemi dapat ditunjukkan berdasarkan hubungannya dengan skema imej. Sebagai contoh, perkataan *berbaju* mencerminkan pertindihan makna iaitu makna dalam domain “mempunyai” dan domain “keadaan” (pasif). Skema imej pasif merupakan variasi skema milikan. *Berbaju* boleh bermaksud mempunyai baju atau keadaan memakai baju. Bagi maksud “mempunyai”, penulis berpendapat bahawa imbuhan *beR-* dengan maksud “mempunyai” hadir bersama frasa keterangan seperti frasa *beranak dua*, *beratap daun nipah*, dan *bertapak di negeri lain*.

Kajian ini cuba menunjukkan bagaimana nahu kognitif menawarkan satu penyelesaian terhadap makna imbuhan *beR-* menerusi pendekatan semantik kognitif dengan mengadaptasi model kerangka jaringan radial (Lakoff 1987).

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, terbukti bahawa semantik kognitif merupakan pendekatan yang sangat sesuai digunakan untuk mengkaji peluasan makna berkaitan imbuhan bahasa Melayu. Kajian yang dilakukan ini telah berjaya menganalisis peluasan makna imbuhan *beR-* berdasarkan pendekatan semantik kognitif. Peluasan makna imbuhan *beR-* ini berlaku secara sistematik. Geometri struktur makna imbuhan *beR-* mempunyai jaringan yang agak selari. Imbuhan *beR-* yang telah mengalami peluasan makna mempunyai domain utama (teras), dan domain pinggiran. Terdapat dua domain utama iaitu domain perbuatan dan bukan perbuatan. Domain pinggiran pula adalah seperti domain melakukan sesuatu, domain mempunyai, domain keadaan, dan domain jumlah. Perbezaan setiap domain ini menjadi pencetus wujudnya peluasan makna terhadap imbuhan *beR-*. Pendekatan ini juga telah menyumbang kepada penyusunan semula makna imbuhan *beR-* yang asalnya terlalu luas kepada satu sistem pemaknaan yang lebih sistematik.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi: Siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Nahu Melayu mutakhir*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cuyckens, H. (1993). The Dutch spatial preposition “in”: A cognitive semantic analysis. Dlm. I. K. Tchizmarova. *A cognitive linguistic analysis of the Bulgarian verbal prefix pre-‘across, through, over’*. *Glossos* (7): 1-49. Muat turun 27 Mei 2008 dari <http://seelrc.org/glossos/glossos@seelrc.org>
- Gibbs, R.W. & Steen, G.J. (pnyt.). (1997). *Metaphor in cognitive linguistics*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Idris Aman. (2007). Kata pemerian adalah dan ialah. Dlm. Zaharani Ahmad (pnyt.). *Aspek nahu praktis bahasa Melayu*, hlm. 207-233. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imran Ho Abdullah. (2000). Peluasan semantik kata sifat rasa: Manis, masam, pahit, masin dan tawar. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44(5), 563- 572.
- Imran Ho Abdullah. (2007a). Frasa sendi nama di atas dan di bawah. Dlm. Zaharani Ahmad (pnyt.). *Aspek nahu praktis bahasa Melayu*, hlm. 305-322. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imran Ho Abdullah. (2007b). Konstruksi perbandingan: Pendekatan linguistik kognitif. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman (pnyt.). *Linguistik: teori dan aplikasi*, hlm. 78-93. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lakoff, G. (1987). *Women, fire and dangerous things*. Chicago. Chicago University Press.
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. Chicago: Chicago University Press.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). Kata ganti nama ia dan ianya. Dlm. Zaharani Ahmad (pnyt.). *Aspek nahu praktis bahasa Melayu*, hlm. 235-251. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Hawiyah Baba. (2007). Masalah polisemi dalam perkamusan: satu penyelesaian semantik kognitif. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman (pnyt.). *Linguistik: Teori dan aplikasi*, hlm. 186-207. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Ahmad Harith Syah. (2009). Penelitian makna imbuhan Pen- Dalam Bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 9(2), 57-72.

Norsimah Mat Awal. (2007). Peluasan makna kata 'aman' dan 'manis' bersandarkan data korpus. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman (pnyt.). *Linguistik: Teori dan aplikasi*, hlm. 114-135. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2003). *Tatabahasa Dewan*. Ed. Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuggy, D. (1992). The affix-stem distinction: A cognitive grammar analysis of data from Orizaba Nahuatl. *Cognitive Linguistics*, 3(3), 237-300.

Zaharani Ahmad (pnyt.). (2007). *Aspek nahu praktis bahasa Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainal Abidin Ahmad. (2000). *Pelita bahasa Melayu penggal 1*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Penulis

Nor Hashimah Jalaluddin (Ph.D) adalah Profesor di Program Linguistik. Beliau mengkhusus dalam bidang semantik dan pragmatik. Penyelidikan beliau tertumpu kepada nahu dan korpus, pemikiran Melayu dan leksikografi. Beliau banyak menerbitkan buku dan artikel yang berkaitan dengan semantik dan pragmatik.

Zaharani Ahmad (Ph.D) ialah seorang Profesor di Program Linguistik. Kepakaran beliau adalah dalam fonologi dan morfologi dan telah banyak menerbit pelbagai artikel mengenai isu fonologi dan morfologi bahasa Melayu. Beliau telah mengarang pelbagai buku seperti *The Phonology & Morphology of the Perak Dialect* (1991), *The Phonology-Morphology Interface in Malay: An Optimality Theoretic Account* (2005), *Fonologi Autosegmental: Penerapannya Pada Bahasa Melayu* (2006) dan *Pembentukan Kata Ganda Separa Bahasa Melayu* (2007).

Nurul Huda adalah pensyarah di Universiti Institut Teknologi MARA, Melaka. Beliau mengajar komunikasi dan terjemahan di Jabatan Bahasa Melayu. Beliau menumpukan kajian pada linguistik korpus, semantik dan pragmatik.